

**PBB Harap SPR Guna Laporan Pilihan Rayanya
Bernama
24 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa- bangsa Bersatu (PBB) berharap kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggunakan laporan permulaannya bagi mempertingkatkan penambahbaikan pilihan raya sebelum Pilihan Raya Umum ke-13.

Penyelaras Mastautin PBB bagi Malaysia Kamal Malhotra berkata laporan itu yang dikeluarkan bulan lepas, menampilkan strategi bagi mempertingkatkan kemungkinan ahli-ahli politik penyandang dan kerajaan memperluas demokrasi dan mempertingkatkan integriti pilihan raya kebangsaan.

Kamal berkata PBB sudah sekian lama terkenal sebagai pertubuhan paling berpengalaman, neutral dan andal di peringkat global berkaitan isu-isu seumpama itu di seantero dunia.

"Sesungguhnya, sejak 1991, kami telah memberi bantuan pilihan raya kepada lebih 100 negara anggota PBB dan empat wilayah iaitu Mexico, Tunisia, Mesir dan Libya," kata beliau dalam ucapannya di majlis penyampaian "UN Malaysia Award 2012" di sini Rabu.

Sambil memuji SPR kerana keputusannya baru-baru ini menerima 26 daripada 32 perakuan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Penambahbaikan Pilihan Raya, Kamal berkata PBB sedia memperkongsikan pengalaman dan kepakaran teknikalnya yang luas dalam bidang berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704655>